



## Pernyataan Privasi

Kelly Services, Inc. dan anak-anak syarikatnya ("Kelly Services" atau "Kelly") menghormati privasi anda. Kelly Services maklum bahawa anda mempunyai hak yang tertentu terhadap apa-apa maklumat peribadi yang kami kutip daripada anda dan kami mempunyai obligasi yang tertentu terhadapnya. Kelly Services menyokong semua undang-undang privasi pada peringkat antarabangsa dan tempatan, dan menyediakan prosedur untuk memenuhi syarat undang-undang tersebut.

Maklumat yang berikut membentangkan prinsip-prinsip privasi kami dan juga amalan yang kami ikuti apabila mengumpul, menyimpan, dan menggunakan maklumat peribadi anda. Kami galakkan anda membaca maklumat ini supaya anda faham dan menyetujui cara kami mengutip, menggunakan, dan mendedahkan maklumat peribadi anda. Kecuali anda memberikan maklumat peribadi yang secukupnya, kami mungkin tidak dapat membantu anda dengan sebaik-baiknya dengan khidmat mendapatkan pekerjaan, penempatan, pepadanan pekerjaan, atau penyelesaian tenaga kerja yang disampaikan atau dilakukan oleh Kelly Services.

### Maklumat Yang Kami Kutip

Supaya Kelly dapat menyampaikan khidmat mengambil pekerja dan menempatkan pekerja untuk melakukan tugas (dan perkhidmatan yang berkaitan dengannya) yang mungkin ada dengan pelanggannya dan/atau terus di Kelly Services, bertindak sebagai majikan atau pengupah di dalam rekod bagi orang yang diambil sebagai pekerja atau yang digunakan khidmatnya oleh Kelly Services, ataupun menyampaikan perkhidmatannya yang berkait dengan sumber manusia kepada pelanggannya, Kelly mesti mengutip maklumat peribadi yang tertentu daripada dan tentang orang yang menjadi calon, pekerja, kontraktor, dan bekas pekerja.

Jenis maklumat peribadi yang dikutip, diproses, dan disimpan oleh Kelly terbatas kepada maklumat yang digunakan untuk memadankan calon dengan jawatan yang mungkin kosong, mengambil pekerja baru, menawarkan kepada calon sesuatu penempatan di syarikat pelanggannya, merujuk pekerja baru kepada pelanggan, menyediakan khidmat mencari pekerjaan secara amnya, atau menganalisis data tentang pekerjaan; ataupun yang diperlukan untuk menunaikan keperluan lain apabila bertindak sebagai majikan, pengupah, atau agensi pekerjaan. Maklumat sedemikian mungkin merangkumi:

- Nama;
- Maklumat perhubungan (alamat, nombor telefon, alamat e-mel);
- ID pengguna dan kata laluan atau PIN jika anda mendaftar melalui laman-laman Kelly;
- Nombor pengenalan pekerja;
- Tarikh lahir;
- Nombor lesen memandu dan kandungannya;
- Kandungan mana-mana dokumen pengenalan lain yang dikemukakan kepada Kelly untuk tujuan permohonan atau perjawatan;
- Sejarah pendidikan dan pekerjaan;
- Kemahiran dan pengalaman yang berkait dengan pekerjaan;
- Bukti kelayakan atau lesen profesional;
- Keahlian dalam pertubuhan profesional;
- Apa-apa maklumat lain yang ada pada ringkasan pengalaman kerja dan kelayakan (Curriculum Vitae) seseorang;
- Taraf kerakyatan dan keizinan bekerja;
- Maklumat yang berkaitan dengan ketidakupayaan dan kesihatan;

- Maklumat perhubungan saudara yang terdekat atau orang yang harus dihubungi semasa kecemasan;
- Maklumat yang diambil daripada, dan yang berkaitan dengan, profil yang disiarkan secara awam yang anda buat pada pelantar media sosial yang berkait dengan pekerjaan dan pada papan kenyataan pekerjaan (contohnya LinkedIn, Monster, atau Indeed);
- Maklumat yang diberikan oleh penyokong permohonan; dan
- Maklumat mengenai bidang kerjaya yang anda minati, pilihan yang diutamakan, dan kelayakan.

Selain itu, dalam keadaan yang tertentu dan selaras dengan undang-undang yang berkuat kuasa, Kelly boleh meminta jenis-jenis maklumat peribadi yang dipandang sebagai "sensitif" oleh beberapa negara:

- Nombor Pengenalan Kebangsaan atau Percukaian/Nombor Keselamatan Sosial;
- Maklumat kewangan atau butir-butir akaun bank;
- Maklumat percukaian;
- Hasil ujian penyaringan dadah, jenayah dan/atau latar belakang;
- Manfaat yang dipilih, yang mungkin merangkumi maklumat tentang insurans kesihatan dan butir-butir rancangan persaraan;
- Data biometri;
- Pandangan atau aktiviti ideologi, ataupun keahlian dalam kesatuan sekerja;
- Keahlian dalam kesatuan sekerja;
- Maklumat di dalam fail peribadi anda yang disimpan oleh Kelly, seperti maklumat tentang penilaian prestasi, tindakan tatatertib, dan maklumat lain yang berkait dengan senarai gaji; dan
- Maklumat kesihatan, termasuklah maklumat berhubung tuntutan yang berkait dengan pekerjaan (contohnya, Tuntutan Pampasan Pekerja).

Dalam sesetengah bidang kuasa, untuk mematuhi statut, kaedah dan peraturan yang berkait dengan peluang pekerjaan yang saksama ataupun untuk membantu Kelly Services menyusun data tentang pengamalan dan pelaporan peluang saksama, kami juga mungkin meminta anda memberikan maklumat tentang jantina atau bangsa/keturunan, ketidakupayaan, atau taraf veteran. Maklumat begini akan diberikan secara rela hati, kecuali diwajibkan oleh undang-undang, dan keengganan memberikan maklumat ini tidak akan menyekat peluang anda mendapatkan pekerjaan atau projek.

Akhir sekali, interaksi anda dengan laman web dan aplikasi mudah alih yang berkait dengan Kelly boleh menyebabkan maklumat yang berikut dikutip, diproses dan disimpan:

- Data lokasi geografi;
- Maklumat lain yang mungkin anda beri kami, seperti melalui borang kaji selidik, interaksi dengan Media Sosial kami, atau perantara lain yang digunakan untuk menghubungi Kelly.

Beberapa laman Kelly memerlukan anda memberikan maklumat peribadi, contohnya apabila anda membuat profil dan memasukkan bukti-bukti kelayakan. Anda mungkin tidak perlu menaip sendiri maklumat peribadi anda ini. Sebaliknya, beberapa ciri laman ini mungkin membenarkan anda menggunakan alat-alat pengesahan pihak ketiga seperti Facebook, Twitter, dan Google untuk mengisi ruang-ruang maklumat yang tertentu. Dengan melakukan pengesahan melalui salah satu pilihan media sosial ini, anda membenarkan kami menerima maklumat peribadi anda dan maklumat lain yang boleh didapati melalui alat-alat ini. Maklumat ini mungkin dimasukkan sekali ke dalam profil anda. Bagi mana-mana alat sedemikian yang ingin anda gunakan, sebaik-baiknya baca juga dasar privasi penyedia alat itu dan syarat-syarat yang dikenakan.

Kami mungkin akan menggunakan maklumat peribadi untuk membenarkan anda menyertai suapan media sosial secara langsung. Jika anda ingin turut serta, nama pengguna awam anda mungkin



dipaparkan pada laman-laman tersebut berserta bahan yang anda siarkan, yang merangkumi tetapi tidak terbatas kepada komen, imej, dan video.

Kami mungkin memberi anda kemudahan menggunakan fungsi pihak ketiga yang membenarkan anda menyiarkan bahan pada akaun media sosial anda. Maklumat yang anda berikan melalui fungsi ini dikawal oleh dasar privasi pihak ketiga yang berkenaan, dan bukannya oleh Pernyataan Privasi ini.

### **Cara Kami Menggunakan Maklumat Ini**

Kelly akan menggunakan maklumat yang dikutipnya untuk mengambil pekerja baru, menilai, dan memadankan calon dengan jawatan yang mungkin kosong atau tugas yang mungkin ada, menawarkan kepada calon sesuatu penempatan di syarikat pelanggannya, merujuk pekerja baru kepada pelanggan, menjawab pertanyaan, atau melakukan tugas-tugas lain yang perlu apabila bertindak sebagai majikan atau bakal majikan. Contohnya, antara aktiviti ini ialah menyampaikan khidmat sumber manusia, memproses dan membuat bayaran dan membayar gaji, memberikan manfaat, menyampaikan khidmat kaunseling, latihan, atau tatatertib, mematuhi dasar kesihatan, keselamatan, dan dalaman, melaksanakan pengurusan korporat, memantau kerjaya dan prestasi, dan mentadbir kontrak pekerjaan. Selain itu, maklumat mungkin digunakan untuk tujuan perundangan yang lain, seperti audit, keselamatan, aktiviti mencegah penipuan, atau usaha memelihara dan mempertahankan hak undang-undang Kelly Services.

Bagi orang yang diperihalkan oleh data tersebut, maklumat ini juga mungkin digunakan untuk menghubungi anda secara surat-menyurat, e-mel, telefon, atau mesej teks tentang syarikat kami atau tentang jawatan kosong yang menepati kesukaan yang anda nyatakan, kelayakan anda, dan/atau profil anda. Komunikasi begini hanya akan dihantar terus oleh Kelly Services (atau oleh ejen-ejennya yang bekerja bagi pihak Kelly). Pada bila-bila masa, anda boleh mengambil pilihan tidak menerima komunikasi ini. Untuk mengetahui butir-butirnya, lihat bahagian Hak Dan Pilihan Anda di bawah ini.

Kelly juga mungkin menggunakan maklumat yang dikutipnya mengenai anda untuk melakukan analisis data, penyelidikan dan kajian untuk menilai populasi calon, pekerja, dan kontraktor dengan tujuan:

- Mengambil pekerja baru, memadankan, dan mengemukakan peluang penempatan yang mungkin ada;
- Menganalisis trend pada peluang perjawatan dan penempatan;
- Menilai trend tenaga kerja yang berkait dengan kemahiran dan pengalaman yang dimohon dan yang ada;
- Menyelidik, melaksanakan, dan memasarkan peluang perniagaan;
- Menganalisis taburan pekerja, perancangan pelapis, dan organisasi korporat.

Data yang telah dibuang nama orangnya tidak mengenalkan diri anda dan tidak diliputi oleh Pernyataan Privasi ini.

Apabila maklumat dikutip melalui interaksi lain, maklumat itu hanya akan digunakan sehubungan dengan interaksi tersebut kecuali telah khususnya dinyatakan sebaliknya.

Kelly Services akan menyimpan maklumat peribadi anda dengan seberapa lama yang perlu untuk menyampaikan khidmat yang diminta kepada anda, kecuali jika maklumat peribadi perlu disimpan untuk mematuhi undang-undang, peraturan, atau pihak berkuasa undang-undang yang lain, ataupun jika penyimpanannya dibenarkan dengan cara lain untuk tujuan perundangan yang lain, seperti audit, keselamatan, usaha mencegah penipuan, atau memelihara dan mempertahankan hak undang-undang Kelly Services.

## **Tempat Maklumat Anda Mungkin Didedahkan**

Kelly Services mempertanggungjawabkan semua pekerjaannya, ejennya, dan pembekalnya untuk memelihara kepercayaan yang anda beri kami untuk mengendalikan maklumat peribadi anda. Maklumat anda tidak akan digunakan mahupun didedahkan kecuali sebagaimana yang diterangkan di dalam Pernyataan Privasi ini.

Untuk menguruskan pengambilan, penempatan, dan perjawatan anda dengan cekap, maklumat anda mungkin diberikan kepada entiti Kelly Services yang lain, ataupun kepada pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang mungkin diambil khidmatnya untuk membantu dengan pengurusan proses-proses yang diperlukan untuk menyampaikan perkhidmatan ini. Penglibatan pembekal khidmat pihak ketiga akan dikawal dengan keperluan kontrak yang sewajarnya, yang melarang penggunaan maklumat anda untuk tujuan selain yang diarahkan khususnya oleh Kelly, dan mewajibkan mereka memastikan adanya mekanisme keselamatan pentadbiran dan teknikal yang secukupnya untuk mencegah maklumat anda digunakan, didedahkan, atau diperoleh dengan tidak betul.

Sebagaimana perlu untuk melaksanakan perkhidmatan mengambil pekerja dan mencari khidmat luar untuk anda, maka sebagai sebahagian daripada proses mengambil, menempatkan, dan menggaji pekerja, Kelly mungkin memberikan maklumat peribadi anda kepada pelanggan jika ada peluang penempatan atau pekerjaan di syarikat pelanggan yang mencari pekerja yang menepati kelayakan dan profil diri anda, ataupun kepada syarikat yang telah ditentukan untuk menjadi tempat anda bekerja, supaya proses permohonan dan perjawatan mereka dapat disepadukan, dan hanya bagi tujuan mengambil, menempatkan, dan menggaji pekerja.

Disebabkan rangkuman global operasi Kelly, pemberian maklumat anda kepada entiti Kelly Services yang lain, pembekalnya, dan pelanggannya boleh mengakibatkan data anda dihantar ke negara-negara selain negara kediaman anda, yang mungkin menggunakan undang-undang perlindungan data yang berbeza dengan undang-undang yang digunakan di negara kediaman anda. Walau dari mana datangnya ataupun ke mana tujuannya maklumat anda, Kelly tetap akan melindungi maklumat anda sebagaimana yang diterangkan di dalam Pernyataan Privasi ini, dan mematuhi semua undang-undang perlindungan data yang berkenaan. Kelly tetap bertanggungjawab terhadap maklumat yang kami berikan kepada pihak ketiga untuk diproses bagi pihak kami.

Bagi orang yang berada di Kawasan Ekonomi Eropah ("EEA") atau di Switzerland, jika berlaku pemindahan kepada pihak ketiga di luar EEA atau Switzerland, Kelly akan mengambil langkah perlindungan yang secukupnya untuk memastikan kepatuhan kepada keperluan undang-undang yang berkenaan, misalnya dengan menggunakan Kontrak Model Kesatuan Eropah ("EU"), atau, bagi entiti di Amerika Syarikat, bahasa yang perlu mematuhi protokol Perisai Privasi EU-U.S. atau protokol lain seumpamanya yang mungkin disediakan dari semasa ke semasa.

Akhir sekali, maklumat anda mungkin diberikan kepada entiti kerajaan yang berkenaan jika Kelly diwajibkan berbuat demikian oleh undang-undang ataupun oleh proses perundangan, ataupun diminta secara sah untuk berbuat demikian oleh penguat kuasa undang-undang atau pegawai kerajaan yang lain.

## **Cookie Dan Petunjuk Web**

Beberapa laman web Kelly menggunakan "cookie" untuk mengistimewakan pengalaman anda dalam talian. Cookie ialah secebis data yang disimpan pada komputer atau alat mudah alih pengguna dan dikaitkan dengan maklumat tentang pengguna itu. Cookie juga membenarkan kami mengenali alat-alat yang kembali ke sesuatu laman supaya kami dapat memberi anda pengalaman yang lebih selanjur, memudahkan anda menggunakan laman-laman web Kelly, dan/atau membantu Kelly menambah baik pengalaman pengguna. Anda boleh menetapkan pelayar anda untuk memberitahu anda sebelum anda



menerima cookie, dengan itu memberi anda pilihan sama ada untuk menerimanya ataupun tidak. Anda juga boleh menetapkan pelayar anda untuk mematikan cookie. Jika anda berbuat demikian, sesetengah ruangan beberapa laman mungkin tidak akan berfungsi dengan betul. Kelly Services menggunakan cookie ID sesi dan juga cookie kekal. Cookie ID sesi akan luput apabila pengguna menutup pelayar. Cookie kekal pula ialah sebuah fail kecil teks yang disimpan di dalam pemacu keras pengguna selama suatu tempoh yang lama. Cookie kekal boleh dibuang dengan mengikuti arahan fail bantuan pelayar Internet.

Supaya kami dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik, kami kadangkala mengutip maklumat tanpa nama daripada kunjungan ke laman-laman kami dengan menggunakan "petunjuk web." Petunjuk web ini tidak mengambil maklumat peribadi anda tetapi membenarkan Kelly Services merakamkan pengguna yang mengunjungi laman-laman web kami. Maklumat tanpa nama ini kadangkala digelar "data aliran klik." Kelly Services ataupun para penjualnya mungkin menggunakan data ini untuk mengkaji trend dan statistik supaya kami dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan. Jika anda tidak mahu butir-butir transaksi anda digunakan begini, lihat perenggan tadi mengenai cookie.

Kami membenarkan syarikat-syarikat pihak ketiga, termasuklah AddThis, mengutip maklumat tanpa nama yang tertentu apabila anda mengunjungi laman-laman web kami. Syarikat-syarikat ini mungkin akan menggunakan maklumat yang tidak dapat mengenalkan diri seseorang semasa kunjungan anda ke laman ini dan ke laman-laman web lain untuk menyampaikan iklan mengenai barangan dan perkhidmatan yang mungkin akan menarik minat anda. Syarikat-syarikat ini biasanya menggunakan cookie atau petunjuk web pihak ketiga untuk mengutip maklumat ini.

Pautan: Bagi pautan ke organisasi bukan milik Kelly, Kelly Services tidak bertanggungjawab terhadap amalan privasi atau kandungan laman web sedemikian. Kami cadangkan agar anda membaca syarat penggunaan dan dasar privasi yang disediakan di laman-laman web tersebut.

## **Hak Dan Pilihan Anda**

Maklumat peribadi yang perlu anda berikan apabila memohon perkhidmatan kami terbatas kepada maklumat yang berkenaan dengan perkhidmatan yang disampaikan kepada anda itu sahaja. Dari semasa ke semasa, kami mungkin akan menggunakan maklumat perhubungan anda untuk menghantar anda maklumat terkini melalui e-mel untuk memberitahu anda tentang peluang atau perkhidmatan promosi yang berkenaan dengan interaksi anda dengan Kelly Services, contohnya pekerjaan di dalam pangkalan data kami yang sepadan dengan kriteria pilihan anda. Setiap makluman akan memberikan arahan tentang cara mengecualikan diri daripada senarai penerima e-mel seperti ini daripada perkhidmatan atau sumber yang berdaftar itu. Pada ketika kami memohon maklumat peribadi tentang diri anda, laman kami juga memberi anda peluang memilih jenis komunikasi yang ingin anda terima. Pilihan anda itu akan dikemaskinikan secara automatik ke dalam pangkalan data itu apabila anda mengecualikan diri. Jika interaksi anda dengan Kelly Services menyebabkan anda terdaftar sebagai penerima berbilang perkhidmatan atau sumber, maka anda mungkin perlu mengecualikan diri daripada setiap perkhidmatan satu persatu.

Selain itu, anda berhak memohon laluan untuk mendapatkan maklumat tentang diri anda yang disimpan oleh Kelly Services, menarik balik persetujuan anda untuk membenarkan data itu digunakan dan diproses, dan memohon agar maklumat itu dipadamkan ataupun kesilapan padanya dibetulkan, tertakluk kepada kewajipan Kelly untuk menyimpan maklumat anda menurut undang-undang yang berkuat kuasa. Kelly boleh mengehadkan atau menolak permintaan mendapatkan maklumat itu, ataupun mengenakan bayaran yang berpatutan untuk mendapatkannya, kecuali jika dilarang oleh undang-undang yang berkenaan.



Oleh sebab maklumat sedemikian diperlukan untuk melaksanakan perkhidmatan pengambilan pekerja baru, penempatan pekerja, dan perjawatan yang disampaikan oleh Kelly kepada anda, maka permintaan menarik balik persetujuan membenarkan maklumat anda diproses atau permintaan memadamkannya boleh mengakibatkan Kelly tidak lagi dapat meneruskan perkhidmatan pengambilan pekerja baru, penempatan pekerja, atau perjawatan yang disediakananya itu.

## Melindungi Maklumat Anda

Kelly Services menjaga keselamatan maklumat peribadi anda dengan rapi. Kami sentiasa mengawasi piawaian industri tentang keselamatan maklumat, dan kami mengkaji semula amalan keselamatan fizikal, teknikal, dan organisasi kami untuk menentukan cara terbaik mencegah kehilangan, silap guna, pemindaan, kemasukan tanpa izin, pemusnahan, atau pendedahan maklumat peribadi anda.

## Perisai Privasi

Untuk memastikan maklumat peribadi dipindahkan dari EEA atau Switzerland ke Amerika Syarikat dengan selamat dan patuh, Kelly menyertai program Perisai Privasi EU-U.S. dan Rangka Kerja Perisai Privasi Swiss-U.S. serta prinsip-prinsipnya (semuanya sekali disebut sebagai "Perisai Privasi"). Jika terdapat percanggahan antara syarat-syarat dasar ini dengan Prinsip-prinsip Perisai Privasi, maka Prinsip-prinsip Perisai Privasi akan digunakan.

Sebagai peserta program-program ini, Kelly memperakukan komitmennya yang berterusan setiap tahun untuk mendukung Prinsip-prinsip Perisai Privasi bagi semua data yang diterima dari EEA atau Switzerland yang diliputi oleh Perisai Privasi ini, dan berserah kepada kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan Suruhanjaya Perdagangan Persekutuan (FTC) Amerika Syarikat. Untuk mengetahui selanjutnya tentang program Perisai Privasi ini, dan untuk melihat persijilan kami, layarilah <https://www.privacyshield.gov/>.

Kelly membolehkan setiap orang menyelesaikan aduan atau membuat pertanyaan terus dengan syarikat, iaitu dengan cara menghubungi [privacy@kellyservices.com](mailto:privacy@kellyservices.com) ataupun dengan menggunakan kaedah-kaedah lain yang diterangkan di dalam bahagian bertajuk, 'Cara Menghubungi Kelly'.

Jika ada pertikaian yang tidak boleh diselesaikan terus dengan syarikat, Kelly Services bersetuju memberikan laluan kepada sebuah badan penyelesaian pertikaian yang bebas, yang dibentuk khususnya untuk menangani aduan yang berkaitan dengan privasi oleh rakyat EEA atau Switzerland yang diperihalkan oleh data yang berkenaan, secara percuma.

- Untuk bertanya atau mengemukakan aduan tentang Data Sumber Manusia, Kelly Services akan bekerjasama dengan Pihak-pihak Berkuasa Perlindungan Data EU dan Pesuruhjaya Perlindungan Data dan Maklumat Persekutuan Switzerland (semuanya disebut sebagai "Pihak Berkuasa Perlindungan Data") semasa menyiasat dan menyelesaikan aduan yang dikemukakan menurut Perisai Privasi ini, dan akan mengikuti nasihat yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Perlindungan Data tersebut (seperti yang diterangkan di dalam Prinsip-prinsip Perisai Privasi ini). Orang yang berkenaan juga boleh menghubungi sendiri Pihak Berkuasa Perlindungan Data masing-masing untuk menyelesaikan pertikaian.
- Untuk bertanya atau mengemukakan aduan tentang sesuatu yang tidak berkait dengan Data Sumber Manusia, Kelly telah menyediakan sebuah mekanisme laluan bebas, iaitu Pusat Penyelesaian Pertikaian Antarabangsa, yang menjadi cawangan antarabangsa Persatuan Timbang Tara Amerika ("ICDR/AAA"). ICDR/AAA boleh dihubungi untuk menyelesaikan masalah itu dengan cara melayari <http://go.adr.org/privacyshield.html>.



Seperti yang diterangkan selanjutnya di dalam Prinsip-prinsip Perisai Privasi, anda juga akan diberi pilihan timbang tara yang mengikat, supaya anda dapat menyelesaikan bahagian-bahagian aduan yang tidak dapat diselesaikan dengan cara-cara lain.

### **Pernyataan Privasi Ini Yang Kemas Kini**

Kelly mungkin akan mengemaskinikan Pernyataan Privasi ini dari semasa ke semasa dan oleh itu, tolong baca semula dengan kerap. Jika kami ubah Dasar Privasi kami, kami akan siarkan versi terbaru itu di sini berserta tarikh semakan semula yang terkini. Jika kami mengubah Pernyataan Privasi kami dengan ketara, kami juga mungkin akan memberitahu anda dengan cara lain, yang merangkumi tetapi tidak terbatas kepada mesej e-mel atau siaran notis pada laman web kami, sebelum perubahan itu berkuat kuasa.

### **Cara Menghubungi Kelly**

Jika anda ingin bertanya ataupun memberikan komen tentang Pernyataan Privasi ini, jika anda ingin melaksanakan mana-mana hak anda menurut undang-undang perlindungan data yang berkenaan, atau jika anda percaya bahawa Kelly tidak mematuhi Pernyataan Privasi ini, sila kirimkan e-mel kepada pegawai perlindungan data kami melalui alamat [privacy@kellyservices.com](mailto:privacy@kellyservices.com). Selain itu, anda juga boleh menghubungi Kelly Services di Amerika Syarikat di alamat:

Kelly Services, Inc.  
ATTN:Privacy Officer  
999 W. Big Beaver Road  
Troy, MI 48084

Atau di EEA atau Switzerland di alamat:

Kelly Services Management Sàrl  
ATTN:Privacy Officer  
Av. Edouard-Dubois 20  
PO Box 48  
2006 Neuchâtel  
Switzerland